

EDISI 2022



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PROGRAM PENEMPATAN WAJIB PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|------------|
| Kata Pengantar Ketua Pengarah Kesihatan | 2 |
| Kata Pengantar Pengarah Amalan Perubatan | 3 |
| Kata Pengantar Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia | 4 |
| Senarai Penyemak | 5 |
| Senarai Penyumbang | 6-8 |
| 1. Pengenalan | 9 |
| 2. Matlamat | 9 |
| 3. Objektif | 9 |
| 4. Punca Dan Bidang Kuasa | 10 |
| 5. Glosari | 10-11 |
| 6. Terma Rujukan 6.1 Kementerian Kesihatan Malaysia (Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan) 6.2 Jabatan Kesihatan Negeri / Institusi / Hospital Kuala Lumpur 6.3 Hospital Penempatan Klinikal | 12-16 |
| 7. Pelaksanaan Program Penempatan Wajib 7.1 Carta Alir Pelaksanaan PPW 7.2 Penempatan 7.3 Pelaporan 7.4 Pelanjutan Tempoh PPW 7.5 Penggantian Tempoh PPW | 17-21 |
| 8. Pengurusan Program Penempatan Wajib 8.1 Cuti 8.2 Masalah Kesihatan 8.3 Masalah Berkaitan Kecederaan Atau Penyakit (Selain Penyakit Bawaan Darah) 8.4 Masalah Berkaitan Penyakit Berjangkit Bawaan Darah 8.5 Masalah Disiplin 8.6 Masalah – masalah Lain Dan Keperluan Khas | 21-24 |
| 9. Simulasi Sebagai Penggantian | 24 |
| 10. Pertanyaan | 24 |
| 11. Rujukan | 25 |
| 12. Senarai Lampiran | 26-47 |

KATA PENGANTAR KETUA PENGARAH KESIHATAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.


Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya, kita masih berpeluang untuk terus berbakti dan berkhidmat kepada negara.

Warga Penolong Pegawai Perubatan (PPP) merupakan aset Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang penting untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkesan dan berkualiti tinggi. Kementerian amat menghargai sumbangan, pengorbanan dan jasa yang telah dicurahkan oleh semua Penolong Pegawai Perubatan kepada negara selama ini, dan terutamanya ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

Bagi memastikan agar kesemua lantikan Penolong Pegawai Perubatan baharu berkompentensi tinggi, profesional dan efektif, Kementerian Kesihatan telah merangka Program Penempatan Wajib (PPW). Program ini merupakan **program pembangunan profesional pertama** yang dilalui oleh PPP sebaik memulakan perkhidmatan di Kementerian Kesihatan. Justeru, program yang mapan dan komprehensif seperti ini adalah kritikal dalam pembangunan modal insan terutamanya dengan ilmu pengetahuan klinikal, kemahiran dan amalan profesional agar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, profesional dan beretika.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Pengarah Amalan Perubatan, Ketua-ketua Perkhidmatan dan semua pihak yang terlibat di dalam pembangunan garis panduan ini. Syabas dan tahniah kepada Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan yang menyediakan garis panduan ini dan semoga ianya menjadi panduan kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih.


Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

KATA PENGANTAR PENGARAH BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan izin-Nya telah diberi peluang dan kesempatan kepada saya untuk mencoretkan sepace dua kata bagi penerbitan Buku Garis Panduan Pelaksanaan Program Penempatan Wajib (PPW) ini buat kali pertamanya. Saya merasakan penerbitan buku ini adalah amat diperlukan bagi seluruh pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan PPW sebagai panduan umum dan khusus dalam menjalankan tugas seharian.

Penerbitan buku ini juga adalah merupakan satu proses penambahbaikan nilai dalam membentuk dan melahirkan modal insan yang berjaya. Penekanan harus diberikan kepada sumber insan yang merangkumi segala aspek yang ada bagi menjayakan agenda kerajaan dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang cekap dan efisien serta berada pada kelas yang tersendiri khususnya bermula dengan penyediaan kakitangan yang berkualiti dan produktif. Perkara ini juga adalah selaras dengan strategi dan pendekatan kerajaan bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang bermutu tinggi.

Saya mendokong penuh usaha mendokumentasikan garis panduan ini bagi memudahkan penganjur dan peserta program membuat rujukan dan mendapatkan sumber maklumat yang berkaitan agar pelaksanaan program ini berjalan lancar serta seragam di seluruh negara. Ianya juga amat diperlukan bagi menjamin hasil kerja agar sentiasa berada pada tahap maksimum dan segala perancangan yang telah dibuat ke arah mewujudkan Penolong Pegawai Perubatan yang cekap dan berkemahiran tinggi mampu dicapai.

Akhir kata, saya amat berbesar hati dan berharap agar Buku Garis Panduan Pelaksanaan Program Penempatan Wajib (PPW) ini dapat dijadikan panduan kepada semua dalam menjalankan tugas harian mereka. Tahniah saya ucapkan kepada Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan di atas penerbitan buku garis panduan ini. Ucapan terima kasih juga didedikasikan kepada semua ketua-ketua perkhidmatan dan pakar-pakar perubatan yang terlibat di dalam membantu pembangunan garis panduan ini.

Sekian, terima kasih

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Dr. Mohd Azman bin Yacob'. The signature is fluid and cursive.

Dr. Mohd Azman bin Yacob
Pengarah Amalan Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

KATA PENGANTAR KETUA PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pertamanya saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diatas usaha dan iltizam yang telah diberikan oleh semua pihak di dalam menjayakan pembangunan garis panduan ini. Buku garis panduan ini dibangunkan bagi membantu melancarkan dan menyeragamkan pelaksanaan Program Penempatan Wajib (PPW) di semua peringkat.

PPW merupakan program yang komprehensif yang amat penting dalam melengkapkan Penolong Pegawai Perubatan (PPP) lantikan baharu di Kementerian Kesihatan Malaysia dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai, amalan profesional dan pengalaman. PPP yang kompeten merupakan di antara aset terpenting bagi kementerian ini dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada pelanggan.

Garis panduan ini memperjelaskan proses pelaksanaan PPW yang merangkumi tindakan yang perlu diambil pada setiap peringkat pelaksanaan, peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat, kaedah mengendalikan peserta yang menghadapi masalah kesihatan, kaedah penilaian yang diguna pakai dan kaedah pelaporan yang seragam.

Dengan adanya garis panduan ini disamping modul latihan yang standard dan seragam, saya berharap semua pihak yang mengendalikan PPW dapat menjadikannya panduan dan sumber rujukan di dalam menjalani urusan dan tanggungjawab semasa mengendalikan program ini.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Zuhelmi bin Abdullah'.

En. Zuhelmi bin Abdullah

Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia

Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan

Bahagian Amalan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI PENYEMAK

1. **DR. AFIDAH BINTI ALI**
Timbalan Pengarah Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

2. **DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB**
Ketua Perkhidmatan Perubatan Kecemasan Kebangsaan
Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma
Hospital Kuala Lumpur

3. **DATO' DR. MAHIRAN BINTI MUSTAFA**
Ketua Perkhidmatan Klinikal Penyakit Berjangkit
Ketua Jabatan Perubatan
Hospital Raja Perempuan Zainab II

4. **DR. AZLIHANIS BINTI ABDUL HADI**
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

5. **DR. RIDZUAN BIN MOHD ISA**
Pakar Perunding Perubatan Kecemasan
Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma
Hospital Ampang

6. **DR. MD. ZAKI BIN OTHMAN**
Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia (Mantan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

7. **EN. JOSEPH BIN KAJANGAN**
Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia (Mantan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI PENYUMBANG

- 1. EN. ZULHELMI BIN ABDULLAH**
Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
- 2. TN. HJ. MAHADIR BIN YUNOS**
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
- 3. EN. MOHD FARIS BIN ABDUL RASHID**
Ketua Unit Program Penempatan Wajib
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- 4. EN. CHE MOHD TAHAR BIN CHE HUSIN**
Unit Program Penempatan Wajib
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- 5. TN. HJ. MUHAMAD HAKIM BIN HASHIM**
Penolong Pegawai Perubatan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
- 6. TN. HJ. SHAMSURI BIN MAT**
Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- 7. EN. SAMSURI BIN MD. ISA**
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (Kesihatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- 8. PN. NOR YAZJEHAN BINTI YAHYA**
Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- 9. TN. HJ. MUDZAFFAR SHAH BIN ABDUL GHAFFAR**
Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Putrajaya
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
- 10. PN. NUR ASLINA BINTI HAMDAN**
Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Putrajaya
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

11. EN. SHAHROM BIN SHAHRIN

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Putrajaya
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

12. EN. KUYILAN A/L MUTHUSAMY

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Kuala Lumpur

13. EN. PATHMA NATHAN A/L SUBRAMANIAM

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Tengku Ampuan Rahimah
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

14. CIK NOOR SHAZA AKMA BINTI SHAMSUDIN

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Selayang
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

15. PN. ZURINA BINTI ABDUL JABAR

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Kajang
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

16. EN. IZZAD BIN MOHD IDRUS

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Sungai Buloh
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

17. EN. WAN MOHD FAIZAL BIN MOHD NOR

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Banting
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

18. EN. ROSMIRIZAL BIN RUSLAN

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Ampang
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

19. EN. MOHAMAD THALHAH BIN MOHAMAD

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Ampang
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

20. EN. HAILMI BIN HARMIN

Penolong Pegawai Perubatan
Pejabat Kesihatan Hulu Langat
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

21. EN. MASHAUDDIN BIN MISKAM

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Tuanku Ja'afar
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

22. TN. HJ. KHARUL ANUAR BIN ALI

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Melaka
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

23. EN. NAZRUL IZAD BIN MANSUR

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Sultanah Aminah
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

24. TN.HJ. SAMRI BIN MOHAMMAD SALLIH

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Pakar Sultanah Fatimah
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

25. EN. ROSLI BIN AHMAD

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Pulau Pinang
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

26. EN. MOHD ASRI BIN ZAHARI

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Seberang Jaya
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

27. EN. MOHD SYUKRI BIN RUZLAN

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Tengku Ampuan Afzan
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

28. PN. NURUL AZIEMAH BINTI ROSLAN

Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Wanita dan Kanak-kanak
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PENEMPATAN WAJIB BAGI PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN LANTIKAN BAHARU DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1 PENGENALAN

Program Penempatan Wajib (PPW) dilaksanakan berdasarkan kepada Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 10/2007 bertarikh 27 Disember 2007. Program ini dilaksanakan secara berstruktur kepada semua Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu (gred U29 atau U41) mengikut modul latihan yang ditetapkan selama enam (6) bulan di Jabatan Kecemasan Dan Trauma di hospital-hospital berpakar yang telah dikenalpasti. Semua peserta perlu mengikut program seperti yang ditetapkan dan akan dinilai prestasi mereka sebelum ke penempatan seterusnya, dan bagi yang tidak menepati kriteria perlu melanjutkan tempoh penempatan.

2 MATLAMAT

- 2.1 Memastikan semua Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu di Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai kompetensi optima seperti yang ditetapkan.
- 2.2 Memperkukuhkan Program Penempatan Wajib sedia ada yang telah dikuatkuasakan mulai 01 Januari 2008.

3 OBJEKTIF

- 3.1 Memantapkan kemahiran klinikal bagi menghadapi situasi kritikal dan membuat keputusan dengan bijaksana.
- 3.2 Memberi pendedahan latihan praktikal yang lebih sistematik mengikut prosedur operasi standard yang telah ditetapkan.
- 3.3 Memberi pendedahan awal dalam aspek komunikasi yang lebih berkesan supaya dapat menyesuaikan diri sebelum bertugas di penempatan seterusnya.
- 3.4 Menyeragamkan penempatan.

4 PUNCA DAN BIDANG KUASA

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 10/2007 bertarikh 27 Disember
**(Program Penempatan Wajib Penolong Pegawai Perubatan Lantikan Baru
Kementerian Kesihatan Malaysia)**

5 GLOSARI

| | |
|---|--|
| Program Penempatan Wajib (PPW) | :Program yang dijalankan selama 6 bulan berdasarkan kepada Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 10/2007 bertarikh 27 Disember 2007 kepada Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu dalam perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia |
| Jawatankuasa PPW Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan | :Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan untuk mentadbir urus aktiviti PPW |
| Jawatankuasa Pelaksana PPW | :Jawatankuasa yang menyelaras PPW di setiap hospital |
| Penyelaras Negeri | :Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (KPPPN) |
| Pengerusi | :Pakar Perubatan Kecemasan |
| Setiausaha | :Penolong Pegawai Perubatan yang dilantik sebagai Ketua Penolong Pegawai Perubatan Hospital |
| Penyelaras Program | :Penolong Pegawai Perubatan yang dilantik sebagai Ketua Penyelia Jabatan Kecemasan dan Trauma |
| Preseptor Tempatan | :Penolong Pegawai Perubatan (PPP) yang dilantik oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Pegawai hendaklah terdiri daripada PPP gred U32 dan ke atas dan memiliki pengkhususan di bidang rawatan kecemasan (pos |

basik/diploma lanjutan/ ijazah berkaitan) atau mempunyai pengalaman bertugas tidak kurang 2 tahun di Jabatan Kecemasan.

| | |
|----------------------------------|--|
| Mentor | :Penolong Pegawai Perubatan yang dilantik oleh Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma. Pegawai hendaklah terdiri daripada PPP bergred sama dengan peserta PPW, yang mempunyai kebolehan untuk membimbing kakitangan baharu dan mempunyai pengalaman bertugas tidak kurang 1 tahun di Jabatan Kecemasan dan Trauma |
| Peserta PPW | :Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu (gred U29 atau U41) dalam perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia yang menjalani PPW |
| Penempatan Pertama | :Hospital yang diarahkan menjalani PPW |
| Penempatan Sementara | :Penempatan sementara bagi peserta yang layak ke penempatan kedua |
| Penempatan Kedua | :Penempatan hakiki setelah tamat penempatan pertama |
| PTJ Asal | :Penempatan hakiki peserta (mengikut waran perjawatan |
| Hospital Penempatan Klinikal PPW | :Hospital yang dicadangkan oleh Pengarah Kesihatan Negeri setelah mematuhi kriteria yang ditetapkan, disokong oleh KPPPM dan diluluskan oleh Pengarah Amalan Perubatan KKM. Kelulusan adalah bersifat dinamik di mana Pengarah Amalan Perubatan boleh membatalkan sesuatu kelulusan yang telah diberikan di atas keperluan semasa. |

6 TERMA RUJUKAN

6.1 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN, BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN)

- 6.1.1 Membangunkan garis panduan dan modul latihan kandungan PPW
- 6.1.2 Memberikan taklimat pelaksanaan PPW kepada semua pegawai penyelaras dan pegawai-pegawai terlibat.
- 6.1.3 Menyedia, menerbit dan membekalkan Buku Rekod Praktis klinikal (PPW1) kepada Jabatan Kesihatan Negeri.
- 6.1.4 Memantau pelaksanaan PPW di semua peringkat.
- 6.1.5 Menerima dan memperaku laporan pencapaian peserta PPW.
- 6.1.6 Memperaku perlanjutan atau penggantian tempoh PPW ke atas peserta yang dikenalpasti.
- 6.1.7 Mengambil tindakan sewajarnya ke atas peserta yang tidak menepati keperluan dan objektif PPW.
- 6.1.8 Melantik penceramah dan fasilitator kursus Preceptor Tempatan PPW.
- 6.1.9 Menilai semula dan mengkaji PPW dari masa ke masa.
- 6.1.10 Meluluskan hospital yang dikenalpasti sebagai Hospital Penempatan Klinikal PPW.

6.2 JABATAN KESIHATAN NEGERI / INSTITUSI / HOSPITAL KUALA LUMPUR

- 6.2.1 Melantik semua pegawai yang terlibat mengendalikan PPW seperti pegawai penyelaras di peringkat negeri dan ahli Jawatankuasa Pelaksana Program Penempatan Wajib Penolong Pegawai Perubatan di peringkat hospital seperti pengerusi, setiausaha, penyelaras program dan preceptor tempatan.
- 6.2.2 Mengedar Buku Rekod Praktis Klinikal (PPW1) kepada Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu yang melapor diri.
- 6.2.3 Memastikan penempatan Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu ke Hospital Berpakar yang dikenalpasti mengikut arahan yang diterima.

- 6.2.4 Menghantar senarai penempatan yang dilakukan kepada Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan KKM di dalam masa 14 hari dari tarikh permulaan PPW bagi setiap kumpulan.
- 6.2.5 Menyemak dan merekod laporan penilaian PPW2 (versi 2022) sebelum dihantar ke Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM.
- 6.2.6 Laporan penilaian dan cadangan pelanjutan atau penggantian tempoh hendaklah dikemukakan kepada Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan di dalam tempoh 14 hari setelah PPW tamat.
- 6.2.7 Mengenalpasti hospital berpakar (yang mempunyai Pakar Perubatan Kecemasan) yang bersesuaian sebagai Hospital Penempatan Klinikal PPW dan mengemukakan permohonan kepada Pengarah Amalan Perubatan KKM.

6.3 HOSPITAL PENEMPATAN KLINIKAL PPW

6.3.1 Pengarah Hospital

- 6.3.1.1 Mengenalpasti dan mengemukakan cadangan **Ahli Jawatankuasa Pelaksana PPW** peringkat hospital dan senarai Preseptor Tempatan kepada Jabatan Kesihatan Negeri untuk pelantikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri.
- 6.3.1.2 Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana PPW (Program Penempatan Wajib) Penolong Pegawai Perubatan di peringkat hospital yang terdiri daripada keahlian seperti berikut :
 - 1. Pengerusi : Pakar Perubatan Kecemasan
 - 2. Setiausaha : Ketua Penolong Pegawai Perubatan Hospital
 - 3. Penyelaras : Ketua Penolong Pegawai Perubatan Jabatan Kecemasan Dan Trauma
 - 4. Ahli Jawatankuasa : Semua Preseptor Tempatan

* Ini adalah keahlian minima, pihak hospital boleh menambah keahlian mengikut keperluan seperti Timbalan Pengerusi, Timbalan Setiausaha, Timbalan Penyelaras dan sebagainya.

6.3.2 Jawatankuasa Pelaksana PPW

- 6.3.2.1 Merancang aktiviti-aktiviti PPW sepanjang tempoh penempatan.
- 6.3.2.2 Melaksanakan program bagi Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu dan pengurusan sumber manusia yang meliputi orientasi hospital dan memberikan taklimat PPW kepada Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu yang melapor diri.
- 6.3.2.3 Melaksanakan aktiviti PPW mengikut modul yang ditetapkan. Program-program pembangunan modal insan terutamanya yang berkaitan perkhidmatan serta memberi penekanan kepada kualiti perkhidmatan seperti program pembelajaran berterusan, kursus-kursus jangka pendek, kursus-kursus pemantapan kemahiran klinikal dan sebagainya. Bagi topik kod etika dan Akta Pembantu Perubatan, hanya pegawai-pegawai daripada Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan atau Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri sahaja yang boleh menyampaikannya.
- 6.3.2.4 Memastikan pematuhan ke atas garis panduan pelaksanaan dan modul latihan yang ditetapkan.
- 6.3.2.5 Melakukan pemantauan ke atas aktiviti yang dilaksanakan dan pencapaian semasa peserta PPW.
- 6.3.2.6 Mengambil tindakan sewajarnya dari masa ke semasa ke atas permasalahan yang dikenalpasti berdasarkan laporan pencapaian peserta PPW yang dikemukakan kepadanya secara berkala seperti merujuk peserta PPW untuk mendapatkan khidmat kaunseling dan sebagainya.
- 6.3.2.7 Membuat keputusan samada seseorang peserta itu perlu dilanjutkan tempoh PPW atau sebaliknya berdasarkan peratusan pencapaian pada BAHAGIAN C borang PPW2 (Versi 2022) merujuk kepada skema permarkahan yang ditetapkan.
- 6.3.2.8 Membuat penilaian pencapaian peserta dan meyediakan laporan

6.3.3 Setiausaha

- 6.3.3.1 Menyelaras setiap mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana PPW.
- 6.3.3.2 Membuat penempatan sementara sebagai pendedahan tambahan kepada peserta yang telah menamatkan PPW sementara menunggu penempatan kedua.
- 6.3.3.3 Penempatan sementara hanya boleh dilakukan di dalam hospital yang sama (penempatan pertama). Penempatan dilakukan mengikut kesesuaian berdasarkan kepentingan perkhidmatan.
- 6.3.3.4 Bertanggungjawab untuk menyimpan BRPK peserta-peserta yang telah tamat selama 6 tahun.

6.3.4 Penyelaras Program

- 6.3.4.1 Bertanggungjawab di dalam perancangan aktiviti dan penyediaan jadual tugas giliran peserta PPW bagi tempoh yang ditetapkan berdasarkan modul latihan.
- 6.3.4.2 Menyemak dan memastikan setiap bahagian Buku Rekod Praktis Klinikal telah lengkap diisi sebelum setiap mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana.
- 6.3.4.3 Menyediakan laporan pencapaian peserta PPW dan cadangan penambahbaikan (jika perlu) secara berkala dan dikemukakan kepada Pengerusi dan Setiausaha pada setiap bulan dan apabila perlu.
- 6.3.4.4 Menyediakan perkembangan dan pencapaian semasa untuk dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana.
- 6.3.4.5 Membentangkan pelaksanaan program dan pencapaian semasa lawatan dari Jabatan Kesihatan Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

6.3.5 Preseptor Tempatan


- 6.3.5.1 Mengawas, membimbing dan memastikan semua dokumentasi dilengkapkan di dalam tempoh yang ditetapkan.

6.3.6 PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN LANTIKAN BAHARU PESERTA PROGRAM PENEMPATAN WAJIB

- 6.3.6.1 Melapor diri ke Jabatan Kesihatan Negeri, institusi atau Hospital Kuala Lumpur seperti mana yang diarahkan melalui surat melapor diri.
- 6.3.6.2 Menerima dan melengkapkan butir-butir diri di dalam Buku Rekod Praktis Klinikal (PPW1) Program Penempatan Wajib.
- 6.3.6.3 Melapor diri ke hospital yang ditetapkan seperti mana yang diarahkan melalui surat Jabatan Kesihatan Negeri, institusi atau Hospital Kuala Lumpur.
- 6.3.6.4 Membawa bersama Buku Rekod Praktis Klinikal (PPW1) pada setiap masa semasa bertugas bagi tujuan pemeriksaan dan semakan oleh Preseptor Tempatan.
- 6.3.6.5 Melaksanakan dan menyempurnakan semua aktiviti Program Penempatan Wajib (PPW) seperti yang ditetapkan dan arahan semasa yang dikeluarkan.
- 6.3.6.6 Mengemaskini Buku Rekod Praktis Klinikal (PPW1) dari semasa ke semasa.
- 6.3.6.7 Mendapatkan pengesahan daripada Preseptor Tempatan di dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 6.3.6.8 Mengemukakan Buku Rekod Praktis Klinikal (PPW1) seperti dijadualkan atau apabila diarahkan kepada Penyelaras Program.

7 PELAKSANAAN PROGRAM PENEMPATAN WAJIB

7.1 CARTA ALIR PELAKSANAAN PPW



7.2 PENEMPATAN

7.2.1 Semua PPP hendaklah menjalani PPW seperti yang diarahkan dan melapor diri pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan.

7.2.2 Penukaran penempatan adalah tidak dibenarkan. Namun ianya boleh dipertimbangkan di atas kepentingan perkhidmatan atau jika peserta mempunyai keperluan khas. Penukaran penempatan hanya boleh diluluskan oleh Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia, Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

7.3 PELAPORAN

7.3.1 Pihak hospital dikehendaki kemukakan laporan PPW di dalam tempoh 7 (tujuh) hari dari tarikh tamat penempatan kepada Jabatan Kesihatan Negeri, institusi atau Hospital Kuala Lumpur.

7.3.2 Jabatan Kesihatan Negeri, institusi atau Hospital Kuala Lumpur dikehendaki kemukakan laporan PPW di dalam tempoh 14 (empat belas) hari dari tarikh tamat penempatan kepada Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan.

7.4 PELANJUTAN TEMPOH PPW

Peserta PPW yang diperakui tidak layak ke penempatan kedua kerana gagal melengkapkan BRPK di dalam tempoh masa yang ditetapkan dan/atau mempunyai masalah kompetensi dan/atau masalah disiplin atau kehilangan BRPK dikehendaki melanjutkan tempoh PPW mengikut kriteria seperti berikut:

| Bil | Kriteria | Markah | Tempoh Pelanjutan |
|------------|---|--|-------------------------------|
| 1 | Bahagian "A" (Kompetensi) | 30% - 44% 15% - 29% | 3 bulan 5 bulan |
| 2 | Bahagian "B" (Sikap) | 20% - 29% 10% - 19% | 3 bulan 5 bulan |
| 3 | Bahagian "C" (Buku Rekod Praktis Klinikal) Lengkap kurang 18% atau Kehilangan BRPK | Melengkapkan 51-99% Melengkapkan 18-50% | 3 bulan 5 bulan 6 bulan |
| 4 | Menjalani program kurang dari 31 hari | - | 6 bulan |

- ❖ Untuk layak ke penempatan kedua, seseorang peserta PPW itu hendaklah melengkapkan semua penilaian di BRPK, **DAN** memperolehi markah sekurang-kurangnya 45% di Bahagian A dan 30% di Bahagian B dengan skor minima adalah 3 bagi setiap komponen penilaian. Peserta juga perlu menjalani dengan jayanya setiap komponen orientasi, kursus dan CME. Jika terdapat mana-mana komponen yang gagal dipenuhi, peserta tersebut perlu dilanjutkan PPW selama 3 bulan.
- ❖ Jika seseorang peserta mempunyai lebih dari 1 kriteria, tempoh pelanjutan adalah berjalan serentak mengikut mana yang lebih panjang. Sebagai contoh, seorang peserta dikehendaki melanjutkan penempatan selama 3 bulan pada Bahagian A dan 5 bulan pada Bahagian B, jumlah pelanjutan yang beliau perlu jalani ialah selama 5 bulan.

7.5 PENGGANTIAN TEMPOH PPW

Penggantian adalah merujuk kepada jumlah hari yang perlu diganti oleh peserta disebabkan ketidakcukupan jumlah hari minima menjalani PPW kerana masalah selain daripada isu kompetensi atau sikap, seperti cuti sakit, cuti bersalin, cuti rehat, cuti tanpa rekod, tugas ringan dan sebagainya. Tempoh minima ketidakcukupan jumlah hari menjalani PPW yang dibenarkan ialah 2 hari setiap bulan secara kumulatif.

Peserta PPW merupakan seorang pegawai kerajaan yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan layak menerima kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk kakitangan kerajaan mengikut perintah am dan pekeliling-pekeliling semasa yang sedang berkuatkuasa. Namun untuk memastikan setiap peserta menjalani semua modul yang ditetapkan dengan sempurna, seseorang yang perlu menggantikan jumlah hari yang tidak dihadiri.

Sekiranya tempoh penggantian pegawai perlu dilakukan, Jawatankuasa perlu sertakan secara terperinci sebab-sebab tempoh PPW perlu penggantian dan disertakan dengan bukti-bukti berkaitan seperti sijil cuti sakit, cuti rehat, cuti bersalin dan sebagainya.

Tempoh penggantian PPW adalah mengikut kriteria seperti berikut:

| Bil | Jumlah hari tidak menjalani PPW (Tempoh PPW 6 bulan) | Tempoh Penggantian |
|------------|---|---------------------------|
| 1 | 13-30 hari | 1 bulan |
| 2 | 31-60 hari | 2 bulan |
| 3 | 61-90 hari | 3 bulan |
| 4 | 91-120 hari | 4 bulan |
| 5 | 121-150 hari | 5 bulan |
| 6 | 151-180 hari | 6 bulan |

| Bil | Jumlah hari tidak menjalani PPW (Tempoh PPW 5 bulan) | Tempoh Penggantian |
|------------|---|---------------------------|
| 1 | 11-30 hari | 1 bulan |
| 2 | 31-60 hari | 2 bulan |
| 3 | 61-90 hari | 3 bulan |
| 4 | 91-120 hari | 4 bulan |
| 5 | 121-150 hari | 5 bulan |

| Bil | Jumlah hari tidak menjalani PPW (Tempoh PPW 4 bulan) | Tempoh Penggantian |
|------------|---|---------------------------|
| 1 | 9-30 hari | 1 bulan |
| 2 | 31-60 hari | 2 bulan |
| 3 | 61-90 hari | 3 bulan |
| 4 | 91-120 hari | 4 bulan |

| Bil | Jumlah hari tidak menjalani PPW (Tempoh PPW 3 bulan) | Tempoh Penggantian |
|------------|---|---------------------------|
| 1 | 7-30 hari | 1 bulan |
| 2 | 31-60 hari | 2 bulan |
| 3 | 61-90 hari | 3 bulan |

| Bil | Jumlah hari tidak menjalani PPW (Tempoh PPW 2 bulan) | Tempoh Penggantian |
|------------|---|---------------------------|
| 1 | 5-30 hari | 1 bulan |
| 2 | 31-60 hari | 2 bulan |

| Bil | Jumlah hari tidak menjalani PPW (Tempoh PPW 1 bulan) | Tempoh Penggantian |
|------------|---|---------------------------|
| 1 | 3-30 hari | 1 bulan |

7.5.1 Tempoh maksima PPW

Tempoh maksima menjalani PPW bagi setiap peserta adalah selama 2 tahun. Jika seseorang peserta telah mencapai tempoh maksima tetapi masih belum layak untuk penempatan kedua, pihak hospital melalui Pengarah Kesihatan Negeri hendaklah mengangkat kes tersebut kepada Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan untuk penilaian dan syor oleh **Jawatankuasa PPW Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan**.

8 PENGURUSAN PROGRAM PENEMPATAN WAJIB

8.1 CUTI

Semua peserta layak untuk mendapatkan kemudahan cuti sepertimana yang digariskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan pekeliling-pekeliling semasa serta peraturan-peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa. Cuti hendaklah diuruskan oleh **Hospital Penempatan Klinikal PPW**.

Hospital Penempatan Klinikal PPW hendaklah menyerahkan rekod dan penyata cuti setiap peserta kepada PTJ asal masing-masing apabila tempoh PPW berakhir ataupun apabila diminta oleh PTJ asal.

8.2 MASALAH KESIHATAN

8.2.1 KERJA RINGAN

Seseorang peserta PPW boleh dikecualikan untuk menjalani program ini sekiranya disahkan perlu menjalankan kerja ringan oleh Pegawai Perubatan kerajaan dengan mengemukakan arahan kerja ringan asal. Namun setiap hari yang dikecualikan perlu diganti jika telah melebihi tempoh minima/maksima yang dibenarkan, mengikut klausa tempoh penggantian (Perkara 7.5).

8.2.2 MENGANDUNG

Seseorang peserta PPW boleh dikecualikan untuk melakukan tugas dan prosedur yang tidak sesuai dengan keadaan dirinya yang sedang mengandung. Penyelaras Program perlu menyesuaikan tugas mengikut

keadaan semasa peserta. Namun setiap prosedur yang dikecualikan semasa mengandung perlu diganti semula apabila peserta tersebut kembali bertugas. Terma penggantian adalah mengikut klausa tempoh penggantian (Perkara 7.5).

8.3 MASALAH BERKAITAN KECEDERAAN ATAU PENYAKIT (SELAIN PENYAKIT BAWAAN DARAH)

Seseorang peserta PPW yang diperakui oleh Pakar Perubatan Kerajaan menghadapi sesuatu kecederaan atau penyakit (selain penyakit bawaan darah) atau keadaan yang menyebabkan beliau tidak dapat menyempurnakan PPW sepertimana yang ditetapkan, perlu diuruskan seperti berikut:

| Bil | Keadaan | Tindakan |
|-----|--|--|
| 1 | Mempunyai peluang untuk sembuh di dalam masa 12 bulan dari tarikh permulaan menjalani PPW | Rujuk kepada klausa kerja ringan |
| 2 | Tidak mempunyai peluang untuk sembuh di dalam masa 12 bulan dari tarikh permulaan menjalani PPW | Rujuk kepada klausa Simulasi sebagai penggantian |

* setiap pegawai mestilah diuruskan mengikut perintah am dan pekeliling berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

8.4 MASALAH BERKAITAN PENYAKIT BERJANGKIT BAWAAN DARAH

8.4.1 Kaedah Pelaksanaan

- 8.4.1.1 Kaedah pelaksanaan adalah dengan mengikuti semua peraturan, ketetapan dan garis panduan semasa yang sedang berkuatkuasa.
- 8.4.1.2 Setiap peserta PPW yang didapati mengidap penyakit bawaan darah hendaklah dirujuk oleh ketua jabatan (Pegawai Hospital) kepada Unit Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (UKKP) di hospital penempatan klinikal PPW untuk penilaian risiko kesihatan terhadap prosedur kerja yang terkandung di dalam Buku Rekod Praktis Klinikal PPW (BRPK).

